

# Keris Conlay sedia pertahanan gelaran MRL

**PASUKAN** Keris Conlay mengakui mereka ada senjata tersendiri untuk menjinakkan pasukan UPM Serdang Angels pada aksi separuh akhir Liga Ragbi Malaysia (MRL) yang berlangsung di Padang A, Universiti Putra Malaysia pada Sabtu ini.

Meskipun turun sebagai pasukan *underdog*, juara bertahan 2017 itu tidak mahu memandang rendah keupayaan UPM Serdang Angels kerana mengakui pasukan berpengalaman tersebut pasti turun dengan kekuatan 100 peratus bagi mengatasi mereka.

Pengurus pasukan Keris Conlay, Mohd. Khairulnizam Mohd. Isa berkata, pihaknya akan menggunakan empat import terbaik dan dibantu pemain berpengalaman untuk memastikan mereka melangkah ke pentas final.

“Pada perlawanan pertama, kita tidak berdepan sebarang masalah dan berjaya menjinakkan UPM Serdang Angels dengan keputusan 38-24. Saya yakin pasukan kami mampu melakukan kejutan meskipun mereka bukan pemain sepenuh masa berbanding pasukan-pasukan lain.

“Justeru, kami yakin UPM akan turun dengan kekuatan 100 peratus kerana mereka pasti mahu menewaskan kami. Sasaran kami tetap sama iaitu ingin mempertahankan gelaran dan memburu kemenangan keempat pada edisi tahun ini,” katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Dalam pada itu, Khairulnizam turut meletakkan kepercayaan kepada ketua jurulatih, Mohd. Farid Syazwan untuk menerapkan taktikal terbaik bagi merealisasikan impian mereka ke final.



**KAPTEN** pasukan Keris Conlay, Fairuz Abd. Rahman bersedia membantu pasukannya untuk menewaskan UPM Serdang Angels pada aksi separuh akhir MRL di Padang A, Universiti Putra Malaysia pada Sabtu ini.

“Pada tahun lalu, kami berdepan UPM di pentas final dan kali ini skrip sama turut berulang. Saya yakin jurulatih mampu memberikan yang terbaik. Gabungan pemain import dan pemain tempatan juga hebat dan saya yakin kami akan ke final,” ujarnya.